
NOTIS MAKLUMAN BERHUBUNG SERAHSIMPAN DOKUMEN BERKANUN BAGI INDIVIDU YANG DISENARAI HITAM ATAS KEGAGALAN MENJELASKAN KOMPAUN BAGI KESALAHAN DI BAWAH AKTA SYARIKAT 1965

Muhammad Idzwan Ishak (COMPLIANCE)

Thu, Nov 19, 2015 at 11:03 AM

Tuan / Puan,

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sila ambil perhatian bahawa bermula pada 1 Disember 2015 Suruhanjaya Syarikat Malaysia ('SSM') akan melaksanakan **FASA KEDUA** penyenaraian hitam melibatkan individu yang mempunyai 2 notis kompaun tertunggak untuk tempoh 2014 ke bawah bagi kesalahan di bawah Akta Syarikat 1965 (Akta 125).

3. Tindakan penyenaraian hitam ini akan menyebabkan sebarang serahsimpan dokumen berkanun seperti Borang 49, 48B, 48C dan 48E akan dikueri selagi status individu berkenaan masih dalam senarai hitam. Tindakan ini juga akan menjelaskan penubuhan syarikat dan pemfailan Borang Pertama atau *First Forms* pasca penubuhan syarikat melalui sistem MyCoid. Akibatnya, dokumen berkanun tidak dapat didaftarkan, pelantikan pengarah tidak dapat diteruskan dan pihak tuan/puan tidak dapat menuahkan syarikat.

4. Justeru, pihak tuan / puan dinasihatkan untuk memberi perhatian yang serius terhadap perkara ini dan menyemak terlebih dahulu status individu sebelum menyerahsimpan dokumen ke SSM. Semakan status kompaun tertunggak boleh dibuat di modul semakan **e-Kompaun** yang boleh diakses di bawah menu e-Perkhidmatan di laman sesawang rasmi SSM iaitu di www.ssm.com.my.

5. Kerjasama pihak tuan / puan amat diharapkan agar dapat dipanjangkan Notis Makluman ini kepada pengarah-pengarah syarikat di bawah kendalian tuan / puan. Sekiranya pihak tuan / puan mempunyai pertanyaan lanjut berkaitan perkara di atas sila emel kepada ar_compliance@ssm.com.my atau hubungi Unit Pengurusan Pematuhan di talian 03 2299 5334.

Terima kasih atas sokongan pihak tuan / puan dalam meningkatkan budaya pematuhan yang cemerlang di kalangan komuniti korporat.

"PERNIAGAAN ANDA BERMULA DI SSM"

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

Tarikh: 18 November 2015